

E. RAYUAN DAN BAYARAN PENALTI

BIL	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah penalti yang dikenakan boleh dirayu?	Ya. Pembayar cukai hendaklah mengemukakan permohonan bagi rayuan penalti cukai yang meliputi kes: i. Penalti yang masih belum dibayar ii. Penalti yang sedang dibayar berdasarkan jadual ansuran
2.	Adakah kenaikan cukai yang dikenakan boleh dirayu?	Ya. Pembayar cukai hendaklah mengemukakan permohonan bagi rayuan meremit kenaikan cukai melalui Borang Maklum Balas Pelanggan di Portal Rasmi LHDNM.
3.	Adakah pembayar cukai boleh membuat permohonan penangguhan pembayaran penalti dan kenaikan cukai ke tahun 2022?	Ya. Pembayar cukai boleh mengemukakan permohonan penangguhan tersebut melalui Borang Maklum Balas Pelanggan di Portal Rasmi LHDNM.

F. CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (CKHT)

BIL	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah lanjutan masa diberi bagi pengemukakan borang CKHT yang mana tarikh akhirnya jatuh dalam bulan Jun 2021?	Lanjutan masa akan diberikan sehingga 31 Julai 2021.
2.	Adakah rayuan penalti boleh dipertimbangkan?	Ya. Pertimbangan peremitan penalti diberi berdasarkan merit kes.